

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Wakil Syarikat Dibiayai MTDC Perlu Ikuti Latihan Tingkat Kecekapan	BERNAMA.COM
2.	Training For MTDC-funded Firm's Reps To Enhance Competencies	BERNAMA.COM
3.	10 syarikat berdasarkan teknologi terima dana MTDC	Utusan Online
4.	MTDC wajibkan penerima dana ikuti latihan TENTRA	Berita Harian
5.	MTDC umum perubahan format CRDF, TAF	Harian Metro

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)



Wakil Syarikat Dibiayai MTDC Perlu Ikuti Latihan Tingkat Kecekapan

Tarikh kemaskini: 12/02/2018

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Syarikat-syarikat yang dibiayai oleh **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** akan disyaratkan untuk menghantar wakil bagi menjalani latihan di Akademi Latihan Usahawan Teknologi bermula tahun ini dalam usaha mempertingkatkan kecekapan sebagai usahawan bidang tersebut.

Pengerusinya, Datuk Latt Shariman Abdullah berkata akademi itu akan menyediakan program latihan berstruktur secara berterusan dalam jangka masa tertentu termasuk pengetahuan kemahiran, kursus penjenamaan dan pemasaran, bimbingan mentor dan sebagainya.

"Kami yakin menerusi pengetahuan antara disiplin dan institusi kerjasama, syarikat-syarikat itu mampu membangunkan sinergi, memperkuatkhan impak serta laluan baharu bagi memasarkan produk masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyerahan replika cek kepada syarikat penerima Dana Pengkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) dan Dana Perolehan Teknologi (TAF), di sini, hari ini.

Sebanyak 10 syarikat menerima pembiayaan berjumlah RM22 juta menerusi CRDF dan TAF.

Sembilan syarikat CRDF menerima dana berjumlah RM20 juta manakala sebuah syarikat TAF menerima RM2 juta pada 2017 dengan permohonan mereka masing-masing diluluskan pada suku ketiga dan akhir tahun lepas.

Latt Shariman berkata MTDC telah meluluskan 42 permohonan daripada sebanyak 130 syarikat bagi CRDF dan TAF yang berjumlah RM44.4 juta.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata format bagi dana CRDF dan TAF telah diubah bagi menggabungkan geran (30 peratus) dan nota janji hutang boleh ubah (CPN) (70 peratus) daripada geran semata-mata, bermula akhir 2017.

Menurutnya, ini bagi membolehkan CPN dapat diubah kepada saham keutamaan pada satu-satu masa selain menjalin hubungan lebih erat dengan syarikat yang dibiayai.

"Objektif mengubah CPN ke dalam bentuk ekuiti adalah untuk membantu syarikat terbabit dari segi pengurusan kewangan kerana sebagai rakan, kami mahu mereka di landasan tepat untuk melonjakkan kemampuan mereka di peringkat domestik mahu pun global.

"Menerusi usaha ini juga, kami berharap dapat membantu lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana berkembang sebagai syarikat yang bersedia dengan Revolusi Perindustrian 4.0 manakala syarikat yang sememangnya mempunyai kemahiran itu dapat dipertingkatkan sedari awal lagi," katanya.

Norhalim berkata, perbadanan itu turut menyasarkan syarikat yang dibiayainya untuk disenaraikan di Pasaran Platform Pemacu Peneraju Usahawan di Bursa Malaysia, Pasaran ACE, Bursa Singapura dan bursa-bursa antarabangsa yang menjadi sebahagian daripada pertumbuhan mereka dalam tempoh tiga tahun pertama sebagai penerima dana tersebut.

Setakat Disember tahun lepas, MTDC telah membantu sebanyak 60 syarikat termasuk enam pengurusan dana serta 600 syarikat sejak 1997.

Selain CRDF dan TAF, ia turut menguruskan Dana Pembangunan Teknologi Halal, syarikat pemula perniagaan, dana pertumbuhan perniagaan dan dana pengembangan perniagaan membabitkan peruntukan sebanyak RM170 juta tahun ini.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)



Training For MTDC-funded Firms' Reps To Enhance Competencies

Last update: 12/02/2018

KUALA LUMPUR, Feb 12 (Bernama) -- The companies funded by **Malaysian Technology Development Corp (MTDC)** will be required to send representatives to undergo training at its Technopreneur Training Academy starting this year to enhance their competencies as technopreneurs.

Its Chairman, Datuk Latt Shariman Abdullah, said the academy would provide a structured on-going training programme within a stipulated time period, to include soft-skills knowledge, branding and marketing courses, 'mentor speed dating', grooming and so on.

"We believe that through inter-disciplinary knowledge and institutional collaborations, the companies are able to build synergies, strengthen their impact and innovate pathways to market their products," he said.

Latt Shariman said this at the mock cheque presentation ceremony for Commercialisation of Research and Development Fund (CRDF) and Technology Acquisition Fund (TAF) companies held here today.

Ten companies received a total of RM22 million funding through CRDF and TAF.

Nine CRDF companies received RM20 million and one TAF company received RM2 million for 2017, in which their applications were approved in the third and last quarter of last year respectively.

Latt Shariman said MTDC approved 42 applications from 130 received last year for the CRDF and TAF amounting RM44.4 million.

On the same note, Chief Executive Officer, Datuk Norhalim Yunus, said the funds for CRDF and TAF format had been changed to a combination of grants (30 per cent) and convertible promissory notes (CPN) (70 per cent) from only grants, starting end-2017.

This, he said, was to enable CPN to be converted into preferential shares at one time while forging closer relations with the funded companies.

"The objective of converting the CPN into equity is to assist the firms in terms of financial management because as our partners, we want them to be on the right track and accelerate their advancement at the domestic and global levels.

"With these efforts, we hope we will able to assist more small and medium enterprises grow into Industrial 4.0-ready companies and help accelerate the further growth of companies which are already Industrial 4.0-ready from day one," said Norhalim.

He said the corporation also targeted the companies it funded to list on Bursa Malaysia's Leading Entrepreneur Accelerator Platform Market, ACE Market, Singapore Exchange and international bourses as part of their growth within the first three years as recipients of the funding.

As of December last year, MTDC has helped 60 companies, involving its six managed funds, while since 1997, it has helped over 600 companies.

Besides the CRDF and TAF, it manages the Halal Technology Development Fund, Business Start-Up, Business Growth Fund and Business Expansion Fund with an allocation of RM170 million this year.

--BERNAMA

BERITA ONLINE
UTUSAN ONLINE (<https://www.utusan.com.my>)
TARIKH: 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)



10 syarikat berdasarkan teknologi terima dana MTDC



LATT SHARIMAN ABDULLAH (empat dari kiri) ketika sidang akhbar di MTDC, Menara Yayasan Tun Razak di sini hari ini - UTUSAN ONLINE

KUALA LUMPUR 12 Feb. - Sebanyak 10 syarikat berdasarkan teknologi menerima dana daripada **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)** bagi membantu mereka mengembangkan industri 4.0 hari ini.

Pengerusinya, Datuk Latt Shariman Abdullah berkata, jumlah tersebut adalah sebahagian daripada 42 projek yang telah diluluskan sepanjang tahun lalu di bawah peruntukan dana sebanyak RM 44 juta.

"Kesemua sepuluh penerima akan diwajibkan menjalani Akademi Latihan Usahawan Tekno (Tentra) bagi meningkatkan lagi tawaran melalui perkhidmatan pemasaran teknologi, termasuk skim penempatan serta pengkomersilan.

"Usaha ini selaras dengan misi MTDC untuk memperkasakan industri 4.0 kerana teknologi bergerak pantas dan kita harus seiring dengannya untuk tidak ketinggalan," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis penyampaian cek di sini.

Antara senarai penerima ialah Industri Az-Zahrah Sdn.Bhd., Aquatech Bio Resources Sdn.Bhd., Biovic Sdn.Bhd. dan Orchid Life Sdn.Bhd

KERATAN AKHBAR

BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 58

TARIKH : 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)



| FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD / BH |

Fakta nomor

130
PERMOHONAN
bagi dana CRDF,
TAF tahun lalu

600
SYARIKAT
terima dana
MTDC sejak 1997

Latt Shariman (tujuh dari kanan) pada majlis perayaan cek kepada penerima dana CRDF dan TAF di Kuala Lumpur, semalam.

MTDC wajibkan penerima dana ikuti latihan TENTRA

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) mewajibkan semua syarikat yang menerima dana daripada organisasi itu perlu mengikuti latihan di Akademi Latihan Teknopreneur (TENTRA) bermula tahun ini.

Pengerusinya, Datuk Latt Shariman Abdullah, berkata ia bertujuan melatih usahawan yang berpotensi untuk berkembang dan berdaya tahan selari dengan inisiatif Revolusi Industri 4.0 yang diumumkan kerajaan tahun lalu.

Katanya, tempoh latihan akan ditentukan oleh MTDC bergantung kepada jenis perniagaan yang diajukan membuat latihan bers-

truktur antaranya 'Mentor Speed Dating', pemasaran dan pemerkaan bakat.

"Kami percaya syarikat yang terbabit dalam pembangunan teknologi baharu di pasaran memerlukan struktur dan langkah yang berkesan untuk berkembang pesat.

"Syarikat ini boleh menjalani latihan sama ada secara fizikal atau maya di pusat teknologi MTDC," katanya pada majlis penyerahan cek kepada penerima dana CRDF dan TAF di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, sembilan syarikat menerima RM20 juta menerusi Dana Perkomersialan Penyelidikan

dan Pembangunan (CRDF) dan satu syarikat Dana Perolehan Teknologi (TAF) bernilai RM2 juta.

Projek CRDF dan TAF membabitkan pelbagai sektor termasuk bioteknologi, akuakultur, minyak dan gas, robotik dan kesihatan.

MTDC bantu 10 syarikat disenaraikan

Latt Shariman berkata, MTDC juga akan membantu 10 syarikat berpotensi ini untuk disenaraikan di pasaran Platform Pemecut Usahawan Utama (LEAP) Bursa Malaysia dalam tempoh tiga tahun akan datang.

"Kita perlu bersedia dan

menyokong syarikat pemula niaga dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan menerusi pelbagai dana dan pelaburan bagi membantunya berkembang, sekali gus mencapai hasrat Industri 4.0.

"Jika kita tidak bertindak untuk menuju ke arah Industri 4.0, sudah tentu kita akan ketinggalan jauh di belakang," katanya.

Peruntukan RM170 juta untuk enam dana

MTDC yang menerima mandat daripada kerajaan untuk menguruskan modal teroka menerima 130 permohonan bagi dana CRDF dan TAF tahun lalu.

Dari jumlah itu, MTDC meluluskan sebanyak RM38 juta bagi dana CRDF dan RM6.4 juta bagi TAF membabitkan 42 projek, termasuk 10 projek yang diumumkan semalam.

Tahun ini, MTDC memperuntukkan RM170 juta membabitkan enam dana di bawah MTDC iaitu CRDF, TAF, Dana Pembangunan Teknologi Halal (HTDF), Dana Pemuliharaan Perniagaan (BSF), Dana Perkembangan Perniagaan (BGF) dan Dana Pengembangan Perniagaan (BEP) dengan sasaran membuatkan 30 hingga 40 syarikat.

Sebanyak 600 syarikat menerima dana MTDC sejak 1997.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 66
TARIKH : 13 FEBRUARI 2018 (SELASA)**

MTDC umum perubahan format CRDF, TAF

Kuala Lumpur: Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) mengumumkan perubahan format Dana Pengkomersilan Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) serta Dana Perolehan Teknologi (TAF).

Ia menggabungkan geran (30 peratus) dan nota janji hutang boleh ubah (CPN) (70 peratus) daripada geran semata mata bermula akhir tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Norhalim Yunus berkata, langkah itu akan membolehkan CPN dapat diubah kepada saham ke utamaan pada satu-satu

masa di samping menjalin hubungan lebih erat dengan syarikat yang dibiayai.

Menurutnya, objektif mengubah CPN ke dalam bentuk ekuiti adalah untuk membantu syarikat terbabit daripada aspek pengurusan kewangan, sekali gus membolehkan mereka berada di landasan tepat untuk melonjakkan kemampuan di peringkat domestik dan global.

"Melalui usaha ini juga, kami berharap dapat membantu lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang sebagai syarikat yang bersedia de-



Kami berharap dapat membantu lebih banyak PKS berkembang sebagai syarikat yang bersedia dengan Revolusi

Perindustrian 4.0"

Norhalim Yunus

ngan Revolusi Perindustrian 4.0 manakala syarikat yang sememangnya mempunyai kemahiran itu dapat diperkemas sejak awal lagi," katanya pada majlis serahan cek kepada syarikat penerima

CRDF dan TAF di sini semalam.

Sebanyak 10 syarikat menerima pembiayaan berjumlah RM22 juta menerima CRDF dan TAF dengan sembilan syarikat CRDF menerima dana berjumlah RM20 juta.

Manakala, sebuah syarikat TAF menerima RM2 juta pada 2017 dengan permohonan mereka masing-masing diluluskan pada suku ketiga dan akhir tahun lalu.

Sehingga kini, MTDC telah luluskan 42 permohonan daripada 130 syarikat bagi CRDF dan TAF yang berjumlah RM44.4 juta.